

Gentar berdepan ayah seorang 'tok sami'

BUKAN satu perkara mudah buat anak seorang 'tok sami' yang mempunyai kuil sendiri untuk keluar daripada agama dianuti sejak sekian lama bagi memeluk agama baharu iaitu Islam.

Meskipun dilahirkan dalam sebuah keluarga yang kuat pegangan agama Hindu, namun dirinya sejak kecil meronta mencari kebenaran dalam agama ekoran sering merasakan apa yang dilakukan dalam agama lamanya itu menimbulkan banyak persoalan dalam fikirannya.

Tatkala melihat terjemahan azan di kaca televisyen menyatakan 'Aku naik saksi tiada Tuhan disembah melainkan Allah', otaknya ligat memikirkan apakah yang disembah dan dianuti selama ini tidak benar?

Itu yang sering bermain dalam pemikiran **P. Ananthan** ketika usia muda, namun pada 28 Julai 2009 dia memilih Islam sebagai agama pegangan hidup ketika berada dalam tahun ketiga pengajian Ijazah Sarjana Muda Kepujian (Komunikasi dan Dasar Awam) di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Selangor.

Berjaya menamatkan pengajian Ijazah Doktor Falsafah (PhD) Komunikasi Massa di Universiti Putra Malaysia (UPM) baru-baru ini, **Dr. Muhammad Adnan Pitchan**, 32, mengimbas kembali kenangan sukar untuk

Ikhwan

Oleh **HISYAMUDDIN AYUB**

agama@utusan.com.my



berhadapan dengan bapanya setelah memilih Islam sebagai jalan hidup.

Berhadapan dengan seorang bapa yang kuat mengamalkan ajaran Hindu dan bergelar sami di kuil sendiri yang diwarisi daripada datuknya di Kampung Sijangkang, Telok Panglima Garang, Selangor, ia sememangnya adalah situasi yang amat sukar.

Untuk menyatakan sudah memeluk Islam di Masjid UKM kepada ahli keluarga terutama buat kedua-dua ibu bapa, hatinya menjadi resah.

IBU MENANGIS

Namun telah berjanji untuk memberitahu ibunya jika dia memeluk Islam, Muhammad Adnan menghubungi ibu dan kakaknya menerusi telefon, seterusnya meminta kedua-duanya datang ke UKM.

Jelas Muhammad Adnan, naluri ibunya sudah dapat meneka yang dia telah memeluk Islam, air mata ibunya mengalir ketika dia memegang tangan ibunya dalam kereta.

"Pernah sebelum ini saya menyatakan ingin memeluk Islam kepada ibu dan beliau

bertanya adakah kerana saya mempunyai kekasih dalam kalangan orang Islam? Saya menafikannya, tetapi sebaliknya setelah melihat kebenaran yang ada pada Islam.

"Pada malam saya melafazkan kalimah syahadah di Masjid UKM, mak datang ke kolej kediaman saya bersama kakak. Mak seakan-akan sudah dapat meneka. Mak menangis sebab takut kehilangan saya yang telah memeluk Islam, namun saya menyatakan dia tetap ibu saya selamanya," katanya yang ditemui *Mega Mimbar* baru-baru ini.

SEMAKIN DITERIMA

Menurutnya, selepas memeluk Islam, selama sebulan dia tidak bercakap dengan ahli keluarga dan selama itu juga dia tidak pulang ke rumah kerana tidak diizinkan bapanya untuk menjejak kaki ke rumah.

Bukan sahaja tidak dibenarkan pulang ke rumah, dia juga tidak lagi mendapat wang belanja kerana bapanya sangat marah. Namun setelah berfikir apa kesudahannya dengan situasi seumpama itu, Muhammad Adnan tekad untuk pulang ke rumah bertemu ahli keluarga tercinta.

"Setibanya di rumah, saya memilih untuk menonton televisyen biarpun ahli keluarga lain termasuk adik lelaki bongsu berada dalam bilik bersama emak dan kakak meluahkan masa berbual, tetapi ayah tiada ketika itu.

"Kemudiannya ayah pulang, namun dia tidak bercakap walau sepetah. Keesokan pagi, ayah mengetuk pintu bilik saya dan terus memeluk saya sebaik sahaja daun pintu terbuka. Buat pertama kali dalam hidup, saya lihat ayah menangis teresak-esak," katanya.

Menurut Muhammad Adnan, ayahnya menjadi 'sedikit lembut' apabila dia menunjukkan MyKad yang tertera nama Pitchan pada belakang nama.

Jelas beliau, persepsi ayahnya sebelum ini adalah namanya tidak akan lagi tertera dan digantikan dengan Abdullah, namun itu tidak berlaku kerana dia masih mengekalkan nama Pitchan itu.

Namun tegasnya, ayahnya masih tidak boleh menerima sekiranya diajak membandingkan agama Islam dengan Hindu, selain menyatakan Islam adalah lebih baik daripada agama Hindu.

"Selepas kejadian ayah menangis teresak-esak itu, hubungan kami menjadi lebih



MUHAMMAD ADNAN PITCHAN ceria selepas menerima Ijazah PhD bidang Komunikasi Massa di Universiti Putra Malaysia baru-baru ini.

baik dan saya akan membuat panggilan telefon setiap hari kepada ibu bapa sehingga hari ini. Ini perkara wajib yang saya akan lakukan demi menyatakan kasih sayang saya tidak berbelah bahagi kepada mereka," jelasnya.

HIDAYAH BERMULA

Ditanya bagaimana beliau nekad memeluk Islam, Muhammad Adnan berkata, pada suatu malam sekitar pukul 2 pagi, dia mendengar lagu *Demi Masa* nyanyian kumpulan nasyid Raihan.

"Hati begitu terusik dengar lagu itu dan tidak semena-mena air mata mengalir apabila menghayati liriknya," katanya.

Keesokan hari, beliau bertemu ibu angkatnya, bekas Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UKM, Prof. Datuk Noor Aziah Mohd. Awal yang juga Pengetua Kolej Dato' Onn ketika itu.


Secara profesional, Noor Aziah yang banyak membantunya ketika memeluk Islam memintanya bertemu Prof. Madya Dr. Fariza Md. Sham yang ketika itu adalah Ketua Jabatan Dakwah di Fakulti Pengajian Islam UKM.

"Kedua-dua insan ini banyak membantu dan membimbing

Pernah sebelum ini saya menyatakan ingin memeluk Islam kepada ibu dan beliau bertanya adakah kerana saya mempunyai kekasih dalam kalangan orang Islam? Saya menafikannya tetapi sebaliknya setelah melihat kebenaran yang ada pada Islam."

saya mengenali Islam, selain itu, saya juga banyak mendapat bantuan daripada Majlis Agama Islam Selangor dan Lembaga Zakat Selangor termasuk membantu menaja pengajian saya pada peringkat Ijazah Sarjana Falsafah (Masters) Komunikasi di UKM pada 2014.

"Malah saya sangat bertuah apabila mendapat anugerah Tokoh Saudara Kita sempena sambutan Maal Hijrah peringkat negeri Selangor pada 2016, sekali gus membolehkan saya menunaikan umrah secara percuma," katanya mengimbas kenangan manis berada di Tanah Suci Mekah.



KENANGAN berada di Mekah adalah detik terindah dalam hidup Muhammad Adnan Pitchan apabila diberi peluang mengerjakan umrah setelah dinobatkan sebagai 'Tokoh Saudara Kita' sempena sambutan Maal Hijrah peringkat negeri Selangor 2016.